

SABTU 2 JULAI 2022 | 14 JULI 2 SINAR

CLEVER rancak teknologi EV tempatan

ISKANDAR PUTERI - Program *Campuses for Local Electric Vehicle Expeditious Roll-out* (CLEVER) yang akan dilaksanakan di universiti terpilih dapat meningkatkan pembangunan dan merancakkan lagi penggunaan teknologi kenderaan elektrik (EV) tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, program di bawah teraju NanoMalaysia Berhad (NMB) itu mampu menjadi platform pengawalseliaan dan inovasi bagi membolehkan syarikat pemula dan inovator menjalankan ujian masa nyata berkaitan teknologi EV dalam persekitaran terkawal.

Beliau berkata, inisiatif CLEVER akan dimulakan di EduCity Iskandar di sini dan diikuti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti



Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

"Penglibatan NMB adalah signifikan dalam mewujudkan ekosistem kondusif yang menggalakkan bakat-bakat tempatan membangunkan kecemerlangan

teknologi dan memasarkan pencapaian mereka," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran CLEVER di EduCity Sports Complex di sini pada Jumaat.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad. - Bernama

Dr Adham (dua dari kiri) melawat pameran Program CLEVER di EduCity Sports Complex pada Jumaat.